

19/02/1999

Penduduk bertanggungjawab kekalkan keharmonian

KOTA KINABALU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat Sabah mengelak diri daripada digunakan golongan tertentu yang memperjuangkan isu kaum, agama dan kedaerahan sempit untuk meraih sokongan politik.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata penduduk negeri ini mempunyai tanggungjawab besar untuk mengekalkan keharmonian kaum yang sedia wujud selama ini.

"Jangan biarkan diri digunakan pihak tertentu untuk mendapatkan sokongan politik (sempit) yang merugikan.

"Ada pihak yang sengaja mengeruhkan perhubungan kaum di negara ini kerana kepentingan politik. Mereka membangkitkan soal kaum dan kedaerahan untuk mendapatkan sokongan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis sambutan kongsi raya bersama Perdana Menteri di Kompleks Sukan Likas, di sini malam ini.

Mahathir berkata, Barisan Nasional (BN) adalah sebuah komponen parti politik yang mengambil kira kepentingan semua kaum.

"Sebab itu, tidak berlaku rusuhan serius...apabila kita menghadapi kegawatan ekonomi dan politik sekarang," katanya.

Katanya, kerajaan BN di Sabah akan terus kekal memerintah negeri ini (selepas pilihan raya negeri akan datang).

"Hanya mereka tidak bersyukur dengan kerajaan yang baik di negara kita, ingin menamatkan pemerintahan yang memberi manfaat kepada penduduk Sabah," katanya.

(END)